

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 14 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [ HULU SELANGOR ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menaiktaraf kecekapan pengangkutan awam seperti komuter di pinggir bandar bagi mengurangkan kesesakan jalan raya di pusat bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, peningkatan tahap perkhidmatan pengangkutan awam khususnya perkhidmatan komuter di pinggir bandar sentiasa menjadi agenda utama Kerajaan untuk memastikan semua lapisan rakyat dapat menikmati kemudahan yang selamat dan cekap. Beberapa inisiatif menaiktaraf kecekapan pengangkutan awam telah dan sedang dilaksanakan di peringkat Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama agensi dan pemain-pemain industri pengangkutan awam seperti berikut:
  - i. KTMB telah memasang sistem pintu pagar automatik dan tiket baru di setiap stesen keretapi bandar dan pinggir bandar dari Padang Besar ke Johor Bahru dan Tumpat pada tahun 2020 untuk memudahkan pergerakan penumpang keluar dan masuk ke platform stesen serta pembelian tiket. Manakala program naiktaraf sistem pintu pagar automatik dan tiket di stesen-stesen Lembah Klang sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2023;
  - ii. Menambahbaik perkhidmatan KTM Komuter di sektor utara dengan menambah tiga (3) set tren elektrik bagi membolehkan kekerapan tren ditingkatkan. Bermula pada 15 Februari 2023, jumlah perkhidmatan sehari tren KTM Komuter di sektor utara akan ditingkatkan dari 38 perkhidmatan kepada 52 perkhidmatan dengan kekerapan 20 ke 30 minit pada waktu puncak;
  - iii. Kementerian Pengangkutan sedang melaksanakan proses perolehan 12 set tren elektrik baru untuk Perkhidmatan KTM Komuter di sektor utara yang dijangka akan dapat digunakan untuk operasi tren pada tahun 2025. Dengan penambahan set tren elektrik ini akan dapat meningkatkan kapasiti dan kekerapan tren Komuter Utara pada masa hadapan;

**NO SOALAN: 34**

- iv. Bagi Perkhidmatan KTM Komuter di sektor Lembah Klang, Kerajaan mensasarkan dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan menerusi kekerapan tren setiap 7.5 minit menjelang tahun 2029 setelah siap sepenuhnya projek naiktaraf landasan di Lembah Klang; dan
- v. Meningkatkan ketersambungan batuan pertama dan terakhir dari dan ke stesen keretapi menerusi kolaborasi dengan pemain-pemain industri e-hailing dan pengangkutan bas. Ini secara langsung dapat memudahkan pergerakan penduduk di pinggir bandar ke stesen keretapi.

Sekian, terima kasih.